

Siapakah Yesus?

Sebab bukan diri kami yang kami beritakan, tetapi Yesus Kristus sebagai Tuhan, dan diri kami sebagai hambamu karena kehendak Yesus.

2 Korintus 4:5

Peter Walker

www.1peter1three.weebly.com

Saya dedikasikan buku kecil ini kepada anda, pembaca. Terima kasih kerana membenarkan saya berkongsi dengan anda tentang Yesus Kristus.

Saya tidak mempunyai panduan yang rasmi dalam Alkitab, dan saya juga tidak begitu jelas tentang kedudukan saya dalam banyak isu teologi. Saya, walaupun bagaimanapun, hanyalah pengikut Yesus, yang mencintai Firman Tuhan. Izinkan saya untuk berkongsi beberapa pandangan dan buah fikiran disini...

Pengenalan:

Jika anda bertanya soalan ini – ‘Siapakah Yesus?’ – anda sesungguhnya berada di tempat yang menakjubkan!

Anda mungkin marah kepada Tuhan, atau tidak percaya kepadanya pada masa ini. Atau mungkin anda percaya kepada Tuhan tetapi telah terluka. Mungkin anda adalah seorang Muslim, Hindu, Buddha atau mempunyai kepercayaan lain. Anda mungkin berada di tempat yang berbeza sama sekali, yang anda tidak boleh tentukan... Saudara, tidak kira apakah perasaan anda, atau dimana anda berada ketika ini, Tuhan Alkitab – daripada buku pertama hingga terakhir – mengalu-alukan anda, malah ‘memohon’ anda untuk bertanya: **‘Siapakah Yesus?’**

Anda mungkin mempunyai banyak soalan yang saya tidak dapat dan tidak akan jawab disini. Saya datang kepada anda hanya sebagai orang percaya dalam Kristus, dan hanya berkongsi pendapat. Sumber saya datang daripada iman, Alkitab dan juga Roh Kudus.

Saya percaya bahawa Alkitab – kompilasi oleh 66 buku atau penulisan – adalah firman Tuhan yang diilhamkan. Seperti mana-mana perkara baik dan benar, Alkitab juga boleh disalahtafsirkan, disalahgunakan, dan diragui. Namun, walaupun dengan kelemahan manusia

dalam menggunakan Alkitab, ia tetap menjadi sumber yang boleh dipercayai daripada Tuhan bagi setiap orang yang ikhlas mencari kebenaran. Ia ditulis oleh orang yang tidak berpendidikan, jadi ia senang untuk dibaca. Tuhan tidak menyembunyikan diri-Nya daripada kita di dalam Alkitab; dia menunjukkan diri-Nya kepada kita!

Izinkan saya untuk membawa dan menyatakan kepada anda pendapat saya tentang soalan yang sangat penting ini: **'Siapakah Yesus?'**

Siapakah Yesus?

Alkitab mengajarkan kepada kita bahawa Yesus Kristus – yang bermaksud ‘*Tuhan Penyelamatkan*’- adalah Tuhan dalam rupa bentuk manusia. Tuhan turun dari syurga untuk menjadi manusia, supaya kita boleh mengenal Dia secara peribadi, dan berhubung dengan Tuhan sepenuhnya.

Yesus adalah Tuhan ‘secara daging’. Dia datang untuk mengampuni dosa kita, dan memberi kita kehidupan kekal. Ini adalah *siapa* Yesus, dan *kenapa* Dia datang.

Wahyu:

Alkitab sendiri menyatakan kepada kita bahawa ini adalah satu kebenaran yang sukar difahami dan mustahil untuk difahami. Kita tidak boleh memahami kebenaran ini – iaitu Tuhan menjadi rupa bentuk manusia untuk menyelamatkan kita. Kita tidak dapat memahami kenyataan ini! Ia adalah sesuatu yang besar bagi kita! Ya, Alkitab menyatakan bahawa kebenaran ini – kebenaran yang begitu indah – bukan untuk menepati fikiran kita!

Kita diberitahu bahawa kebenaran Tuhan ini – Yesus Kristus – adalah ‘Roh dan Kebenaran’, dan datang kepada kita bukan dengan ‘pemahaman’ fikiran, tetapi oleh ‘wahyu’ kepada roh dan juga hati kita.

Jika anda – seperti saya dan kebanyakan yang lain – cuba untuk ‘mendapatkan’ Tuhan dan menyesuaikan dalam fikiran kita, maka adalah sukar untuk membiarkan roh dan hati kita mengambil tempat untuk memimpin kita. Tetapi anda tahu, saudara, semua yang berharga kepada anda sekarang dalam kehidupan - *kawan, keluarga, kegembiraan, cinta, kedamaian, pengampunan, rahmat* - perkara-perkara ini bukanlah 'kebenaran' fikiran, tetapi dari hati dan Roh. Malah, dalam banyak kes, kita telah membiarkan minda kita, pemahaman kita, menyakiti atau merosakkan 'kebenaran hati', atau hubungan. ***Pernahkah anda membiarkan 'kepala' anda mengatasi hati anda, dan kemudian berasa menyesal?*** Jika Tuhan 'disesuaikan' ke dalam fikiran saya yang sempit atau pemahaman saya yang tidak dapat diramalkan, dia akan menjadi Tuhan yang sangat kecil, sememangnya!

Kita diberitahu di dalam Alkitab, '*Tuhan adalah Roh, dan penyembah-Nya harus menyembah dalam roh dan kebenaran.*' Yesus sendiri mengatakan tentang firman-Nya dan wahyu-Nya, 'Firman-Ku adalah roh dan hidup.'

Pernahkah anda merasakan kebenaran Yesus menjadi cabaran bagi fikiran anda, tetapi ia mengetuk pintu hati anda?

Mesej Kristus:

Adalah menarik bagaimana Yesus meyakinkan kepada orang tentang 'kepercayaan' mereka. Dia tidak datang menawarkan wang atau kewangan. Bahkan juga tidak datang untuk menawarkan jawapan bagi soalan teologi. Yesus mengatakan, *'Barangsiapa haus, baiklah ia datang kepada-Ku dan minum... Barangsiapa percaya kepada-Ku, dari dalam hatinya akan mengalir aliran-aliran air hidup.'* Yesus bertanya barangsiapa 'haus', dan Dia menjanjikan 'air hidup'. Ini tidak menepati ekonomi hidup harian kita; juga fikiran. Namun ia masuk jauh ke dalam jiwa kita dan seolah-olah benar-benar memenuhi keperluan kita untuk sesuatu yang lebih.

Adakah pertanyaan Yesus ini – 'Adakah anda haus?' – mengena di jiwa anda?

Atau sebagai contoh, Yesus berpaling kepada orang ramai dan bertanya, *'Adakah sesiapa yang letih lesu?'* Dan kemudian Dia menjanjikan 'rehat' yang berbeza dari yang lain.

Yesus melakukan keajaiban atau mukjizat, tetapi dengan tujuan yang khusus untuk setiap mukjizat-Nya. Suatu ketika Yesus mengatakan kepada orang banyak bahawa mukjizat yang Dia lakukan adalah bertujuan untuk membawa kita memahami Dia, mempunyai kuasa untuk mengampuni dosa. Dia melakukan mukjizat bukan hanya untuk memberi hidup yang lebih

baik bagi sesetengah orang untuk jangka masa pendek. Tetapi supaya kita melihat kuasa-Nya untuk mengampuni dosa kita dan *'menulis nama kita di syurga'*

Jadi, apakah mesej Yesus? Bagaimanakah saya dapat memiliki 'hidup', 'rehat', dan 'air kehidupan' ini di jiwa saya?

Inilah dimana mesej Yesus datang kepada setiap kehidupan – secara amnya dan peribadi...

Yesus berkata, *'Akulah pintu, barangsiapa masuk melalui Aku, ia akan selamat.'* Yesus tidak mengajar *tentang* Tuhan; Yesus menjemput kita kepada dirinya sendiri untuk mengenal Tuhan. Perkara yang paling mendalam dalam hidup anda saat ini adalah 'seseorang', bukan sesuatu mahupun beberapa konsep. Fikirkan hal ini sejenak. ***Apakah hal yang paling bermakna bagi anda pada penghujungnya?*** Saya boleh pastikan ia adalah seseorang. Begitu juga Allah. Kebenaran Tuhan yang terdalam kepada anda – ialah diri-Nya sendiri. Tujuan-Nya datang ke dunia dan menjadi manusia supaya saya dan anda boleh melihat, menyentuh dan mengenal Dia. Bahkan, nama yang diberikan kepada Yesus sendiri ialah 'Immanuel', yang bermaksud, *'Tuhan Allah menyertai kamu.'* Yesus – Tuhan sebagai manusia – datang supaya Dia dapat bersama kita, sekarang dan selamanya.

Apakah anda mahu mengenal Tuhan secara peribadi?

Kepercayaan:

Yesus mencabar kita untuk 'percaya' kepada-Nya. Ini adalah jempukan-Nya apabila Dia sebenarnya dengan orang ramai, dan mereka boleh 'melihat' Dia. *Sekiranya mereka dapat 'melihat' Dia, mengapa semua penekanan ini tentang 'percaya' kepada-Nya?*

Dua perkara berlaku kepada saya mengenai isu 'iman' ini:

1. ***Sahabat yang sejati percaya kepadamu!***

Pernahkah anda mempunyai seseorang yang dipanggil 'sahabat' yang bukan *untuk anda*? Orang ini melihat dan mengenal anda, bahkan mengakui anda apabila anda bersama dengan mereka; orang ini mempunyai 'hubungan' dengan anda. Tetapi, mereka sebenarnya telah menutup sebahagian daripada hati mereka kepada anda. ***Adakah anda boleh mengaitkan perasaan dan pengalaman ini dalam hubungan anda?***

Yesus datang – Tuhan dalam rupa manusia – untuk 'bersama kita'. Namanya, Imanuel, bermaksud, 'Tuhan Allah menyertai kamu.'¹ Yesus bukan hanya

¹ Yesaya 7:14/Matius 1:23

mahu anda untuk 'mengakui' Dia; Dia datang untuk mempunyai kasih, hubungan 'kepercayaan' dengan anda. *Percaya kepada satu sama lain adalah nyawa atau nadi kepada persahabatan yang sejati.*

Yesus berkata, '*Aku menyebutmu sebagai sahabat.*' Yesus juga mengatakan tiada kasih yang terlebih besar daripada seorang sahabat yang memberikan nyawanya untuk sahabat-sahabatnya.²

2. Untuk melihat adalah bukan untuk percaya!

Semasa Yesus masih di bumi, ramai yang melihat kuasa-Nya, tetapi tidak percaya kepada-Nya. Mungkin anda, seperti saya, kadangkala berbicara menyatakan, '*Hanya sekiranya saya boleh 'melihat' Yesus...*' Kebenarannya ialah, kebanyakan mereka yang melihat dia secara daging dan menyaksikan pekerjaan mukjizat-Nya *tidak* percaya kepada-Nya. Kebanyakan masa, apabila Yesus melakukan mukjizat, mereka sebenarnya berpaling melawan Dia. Pada akhirnya, mereka yang telah 'melihat-Nya' – yang telah mendengar, berjalan dengan-Nya, menikmati pekerjaan

² Yohanes 15:13-15

mukjizat-Nya – sama ada bersekongkol melawan Dia atau meninggalkan-Nya. Dia dibunuh di tengah-tengah mereka yang telah ‘melihat’ Dia.

Jadi Yesus memanggil kita untuk ‘percaya’ bukan dengan melihat tetapi dengan ‘iman’. Apabila mereka melihat-Nya, mereka membunuh-Nya. Kita tidak boleh mempercayai kita sendiri untuk mengikuti – menjadi setia – dimana kita melihat dengan penglihatan kita. Kita mungkin setia pada suatu tempoh masa, sebagai murid, tetapi ada ketika mata, fikiran dan hati kita akan mengecewakan kita dan kita tidak lagi mengikuti. Kita mungkin akan menentang apa yang pernah kita lihat dan kasihi.

Yesus berkata kepada Thomas, murid-Nya, *‘berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya.’*

Di bumi ini, Yesus menginginkan kita untuk ‘melihat’ dengan mata hati kita dan percaya – menerima, mengikuti, mentaati, menyembah. Yesus menginginkan hubungan yang *benar dan sejati* dengan anda, sebuah persahabatan! Suatu hari kita akan dibawa dalam kemuliaan dimana mata kita menjadi suci dan murni serta hati kita tetap, dan kita akan melihat Dia, bersemuka. Tetapi untuk waktu ini,

kita dipanggil untuk mengimani.

***Adakah anda merasakan bahawa anda
'melihat' Yesus dengan mata hati
anda?***

Harta:

Mengapakah Yesus sukar untuk 'dilihat' dan 'dipercaya? Mengapakah seluruh dunia tidak mendengar Yesus dan mempercayai-Nya?

Apabila saya membaca firman Tuhan, saya sangat takjub akan pekerjaan Tuhan. Dari permulaan masa, walaupun Tuhan mengasihi setiap manusia sama, namun ada yang 'mengenal' Tuhan dan ada yang tidak. Ini ialah - tetap akan – mustahil bagi kita untuk faham, untuk difikirkan dan untuk dijelaskan.

Perkara ini sama apabila Yesus masih ada di bumi, berkhotbah dan melakukan mukjizat. Ada yang melutut di hadapan-Nya dan berkata, '*Engkau adalah Allah!*' Sesetengah pula memandang rendah pada-Nya, menghina dan mencabar kekuasaan-Nya. Bagaimana ini boleh berlaku? Bagaimana ada sesetengah yang memandang Kristus dan melihat Allah, dan ada yang lain memandang Kristus pada masa yang sama hanya melihat dia adalah seorang manusia? Saya tidak dapat menjelaskan ini.

Tetapi apa yang saya dapat lihat melalui hidup dan pengajaran Yesus ialah Dia sendiri menunjukkan diri-Nya secara mendalam dan tenteram. *Sangat mendalam dan sangat tenteram!* Apabila seseorang benar-benar 'melihat' tentang siapakah Yesus – '*Tuhan Allah beserta kita*' – perwahyuan itu telah sampai

dihatinya dan mengubah mereka selamanya. Tetapi oleh kerana perwahyuan ini sangat mendalam, suci dan tenteram, ia bergerak melewati kebanyakan kita tanpa kita perasan. Kita diganggu oleh pelbagai bunyi dan keinginan hidup kita sehingga perkara yang dalam tentang Tuhan berlalu begitu saja melewati kita.

Yesus memberitahu kita suatu perumpamaan pendek untuk menerangkan kebenaran ini. Dia berkata, *'Kerajaan syurga ibarat harta yang tersembunyi di dalam sebidang tanah. Seseorang telah menjumpainya lalu menyembunyikannya semula. Setelah itu, dengan penuh sukacita dia menjual segala yang dimilikinya lalu membeli tanah itu'*³

Apakah anda merasakan Yesus adalah harta yang anda mulai untuk lihat, tetapi kebanyakan orang di sekitar anda tidak melihatnya?

³ Matius 13:44

Darah:

Kisah Yesus adalah luar biasa! Kita diberitahu bahawa sebagai Tuhan, Dia datang untuk membebaskan kita dari dosa kita, 'noda' kita. Anda tahu, dosa kita yang terdalam biasanya meninggalkan jejak darah. Darah, sumber kehidupan yang sangat hidup, tumpah di mana terdapatnya keganasan, kekejaman, kemalangan, dan kematian. Kita semua mengalami ini sama ada secara langsung dan tidak langsung. Kita hidup di dunia yang terbina atas nama perhambaan dan keganasan, dan mungkin telah menumpahkan darah atau menggunakan sesuatu yang dicuri yang terpaksa dibayar dengan harga darah orang lain. Ini adalah kebenaran yang nyata dan tidak memberi keselesaan – tetapi pertumpahan darah adalah inti dari kegelapan dunia ini, dan juga pemisahan daripada Tuhan.

Jadi Yesus datang, dan Dia mahu membebaskan kita daripada dosa dan kegelapan ini. Dia mahu membebaskan kita dari perbuatan salah yang kita deritai dan yang telah kita perbuat. Dia mahu membawa kesembuhan dan memulihkan setiap jiwa, hati bahkan dunia yang kita diami ini. Kita telah diberitahu bahawa Yesus telah membuka jalan bagi '*penebusan*' dan '*pengampunan*' dalam cara yang luar biasa dan rohani ini: ***Yesus mengambil dosa kita ke dalam diri dan tubuhnya sendiri, dan kemudian mati dengannya.*** Sebuah ayat di

dalam Alkitab meletakkanya sebegini: *'Dia menjadi dosa bagi kita.'*⁴

Yesus mengambil rasa bersalah dan malu saya pada diri-Nya sendiri dan mati denganya. Setelah mati dengan dosa saya, Yesus bangkit dari kematian, tetapi dosa saya tidak kembali bersamanya lagi. Dalam erti kata lain, Dia meninggalkan dosa itu di dalam kubur. Yesus mengambil dosa saya, mati dengannya, dan Kembali hanya dengan pengampunan dan hidup yang baru untuk saya.

Ada sebuah firman yang luar biasa dalam Alkitab yang menjelaskan begini: *Darah Yesus "kepada Yesus, Pengantara perjanjian baru, dan kepada darah renjisan yang menuturkan perkara-perkara yang lebih baik' daripada darah dosa kita.*

Dengan alasan ini, apabila kita percaya kepada Yesus dan menerima pengampunan-Nya, kita bersyukur atas pengorbanan darah-Nya, iaitu *'darah Yesus Kristus'.*

Adakah anda mahu 'dibasuh' dengan darah-Nya?

⁴ 2 Korintus 5:21

Roh:

Yesus adalah hidup! Dia nyata dan ada di syurga. Suatu hari kita dapat berjumpa dengan-Nya '*bersemuka*'

Tetapi apabila Yesus mengatakan kepada murid-Nya bahawa Dia kemudian akan meninggalkan bumi dan pergi ke syurga, Dia menyatakan mereka harus bersukacita atas hal ini – tidak bersedih – kerana ini bermaksud *Roh Kudus* akan datang kepada mereka, dan '*di dalam*' mereka.⁵

Apabila Yesus masih di bumi, Dia hanya di dalam rupa bentuk manusia. Jadi sekiranya Yesus berada di sebuah desa, bermakna Dia tidak berada di tempat lain. Jika Yesus meletakkan tangan-Nya untuk memberkati orang itu, ini bermakna dia tidak meletakkan tangan-Nya untuk memberkati yang lain. Dia di dalam rupa bentuk manusia, maka terhad oleh ruang dan juga masa sama seperti kita.

Apabila Yesus terangkat ke syurga, Roh-Nya, Roh Kudus, dicurahkan atas bumi. Ini bermaksud peribadi dan damai Yesus ada di setiap desa, dan juga hati setiap orang pada masa yang sama. Ini juga bermaksud bahawa Yesus sebenarnya *tinggal di dalam* kita, dan bukan hanya berjalan bersama kita.

⁵ John 14:17,26,28

Sekarang Yesus telah menyelesaikan misi-Nya di bumi - mati dan naik lagi ke syurga, untuk memberi kita pengampunan dan kehidupan kekal - Dia hidup secara fizikal di syurga. Sekarang kita berhubung dengan Yesus melalui Roh Kudus.

Apabila kita percaya kepada Yesus, Dia datang kepada kita melalui Roh Kudus, dan tinggal dalam hati kita, jiwa dan roh kita – *'Tuhan Allan beserta kita.'*

Adakah anda ingin percaya kepada Yesus dan memiliki Roh Kudus di dalam hati dan hidup kamu?

Jemputan:

Yesus berkata, *'Akulah pintu; barangsiapa masuk melalui Aku, ia akan selamat (Yohanes 10:9)*

Adakah anda ingin menjemput Yesus masuk ke dalam hati dan hidup anda sekarang juga?

Ini adalah keputusan rohani, dan dengan memberikan hidup anda kepada Yesus, anda memiliki pengampunan atas dosa anda dan mempunyai hidup yang kekal. Pada saat anda menerima Kristus, anda berada pada jalan yang baru iaitu jalan yang *'bertambah terang sampai rembang tengah hari.'* (Amsal 4:18)

Ini adalah bagaimana anda boleh menyeberangi jambatan daripada mati kepada hidup, dan mengenal Yesus Kristus. Terdapat dua kunci untuk 'melakukan' itu. Saya letakkan ia dibawah ini, dan saya tuliskan doa yang anda boleh baca serta 'berdoa' dari hati anda:

1. Pertaubatan daripada dosa

Anda mesti bertaubat daripada dosa anda. Ya, ini memang bukan langkah yang mudah tetapi inilah yang Yesus panggil untuk kita lakukan. Anda harus memilih sekarang juga dan dengan pertolongan Tuhan anda boleh berbalik dari dosa anda – *cinta akan wang, nafsu, ketamakan, ketidakjujuran, ketagihan, perzinaan, pornografi, dan lain-lain lagi.*

Pertaubatan dosa adalah 'tindakan hati' dan boleh dilihat dari masa ke semasa di dalam hidup serta rumah anda. Mungkin ada perkara yang perlu anda tinggalkan, komunikasikan, buang, padam dan berikan... Sekiranya anda memilih untuk bertaubat sekarang, dan '*berpusing atau berbalik*' (apa yang dikatakan 'pertaubatan'), anda berada pada arah yang betul untuk langkah seterusnya ini.

2. Iman di dalam Yesus Kristus

Kita telah bincangkan di atas kepentingan dan 'kebenaran' kepercayaan dan iman di dalam setiap perhubungan yang benar. Yesus memanggil kita untuk 'percaya' kepada-Nya. Yesus memanggil kita untuk mengambil langkah iman ini dan ucapkan dengan suara kedengaran pengisytiharan iman kepada-Nya. Saya telah menulis satu dosa di bawah ini yang anda boleh bacakan. Doa ini hendaklah diucapkan dari hati serta penuh ikhlas.

Jika anda benar bertaubat atas dosa anda dan meletakkan iman di dalam Yesus Kristus, Dia akan pada saat ini memberikan Roh Kudus di dalam hati anda, mengampuni dosa anda dan menulis nama anda di syurga!

Doa:

Tuhan Yesus Kristus, saya berterima kasih kerana Engkau mengasihiku. Terima kasih kerana telah mati untuk dosa saya. Terima kasih kerana menawarkan kepada saya pengampunan dan juga kehidupan kekal. Hari ini saya bertaubat dari dosa saya dan meletakkan iman dan percaya saya kepada Engkau. Saya meminta supaya Engkau mengampuni dosa saya dan mencurahkan Roh Kudusmu kepada saya.

Terima kasih Tuhan kerana telah mengampuni saya. Terima kasih, Tuhan Yesus kerana menyelamatkan saya. Bantu saya sekarang untuk hidup taat, dan mengikuti Engkau setiap hari dalam hidup saya, sehingga saya bertemu dengan Engkau suatu hari nanti. Di dalam nama Yesus, saya berdoa, Amen!

Hidup Baru:

Jika anda telah mengambil langkah iman ini di dalam Yesus, anda telah diselamatkan! Anda telah diampuni! Anda adalah '*ciptaan baharu*'. Ini adalah kebenaran Tuhan. Ini adalah mesej Yesus.

Sebagai 'orang percaya' yang lahir baru, ia adalah sangat penting bagi anda untuk mula membaca Alkitab setiap hari, dan meluangkan masa beberapa minit bersama Yesus di dalam doa. Juga adalah penting untuk anda mengikuti sebuah gereja Kristian yang baik, supaya anda boleh bertumbuh di dalam iman dan juga sokongan daripada orang percaya yang lain.

Jika anda tidak mempunyai Alkitab, saya sarankan untuk anda meminjam ataupun membeli. Anda boleh cari sama ada melalui online atau kedai buku.

Apa yang saya lakukan ialah saya membaca satu bab setiap hari. Mungkin anda boleh bermula daripada buku Injil Lukas dan teruslah membaca...

Carilah gereja yang baik dan boleh dipercayai. Berdoa dan tanyalah kepada Tuhan untuk memimpin anda dalam keputusan ini. Tanyakan kepada kawan Kristian yang anda kenal dan boleh dipercayai untuk merekomenkan gereja kepada anda. Jadikan tabiat pergi ke gereja satu

kali seminggu sebagai satu keutamaan, satu 'pengorbanan' kepada Tuhan. Anda mungkin perlu mengubah sesuatu di dalam jadual harian anda dan begitu juga dalam kewangan untuk melihat ini berlaku. *Tuhan akan memuliakan anda untuk ini!*

Saya sangat gembira untuk mendengar daripada anda! Jika anda mengambil langkah iman ini, bolehlah berhubung dengan saya menggunakan emel melalui laman web yang tertera pada halaman berikutnya. Saya akan bersukacita bersama anda dan berdoa untuk anda!

Berkati anda, saudari dan sudara saya dalam Kristus! Sampai kita berjumpa lagi secara peribadi – pada pertemuan keluarga nanti! – Tuhan memberkati, melindungi dan merahmati kamu di dalam nama Yesus!

Untuk maklumat tambahan, sila layari laman web di bawah:

www.1peter1three.weebly.com

'Tuhan memberkati engkau dan melindungi engkau; Tuhan menyinari engkau dengan wajah-Nya dan memberi engkau kasih karunia; Tuhan menghadapkan wajah-Nya kepadamu dan memberi engkau damai sejahtera.' (Bilangan 6:24-26)

Rujukan firman Tuhan:

Tuhan meminta kepada kita untuk datang kepada-Nya: 2 Korintus 5:20

Mengenal hanya Yesus, firman-Nya, Roh-Nya: I Korintus 2:2-3

Inspirasi dan penyalahgunaan Alkitab: Ibrani 4:12/Yeremia 29:13 (lihat juga Matius 4:1-11 & 2 Korintus 4:2)

Penulis Alkitab yang tiada Pendidikan: Kisah Para Rasul 4:13

Yesus bermaksud, "Tuhan menyelamatkan": Matius 1:21

Yesus sebagai Tuhan dalam rupa bentuk manusia: Yesaya 7:14/Matius 1:23; Yesaya 9:6; Yohanes 1:1-5,9,14; Yohanes 8:58/Keluaran 3:14; Yohanes 10:30; Yohanes 14:9; Yohanes 9:38/Matius 14:33/Keluaran 20:5; Yohanes 5:46; Kolose 1:15-20; Ibrani 1:3; Filipi 2:6-11; Zakharia 14:9/Kisah Para Rasul 4:12; Wahyu 1:13-18

Tujuan Yesus untuk mengampuni dosa dan memberikan kehidupan kekal: Lukas 5:24; Yohanes 11:25-26; Yohanes 4:13-14

Wahyu, mustahil untuk difahami!: Yohanes 6:37, 65; Matius 16:16-18; Roma 11:33-36; Yesaya 55:8-9; Mazmur 36:9; 2 Korintus 4:6; Yohanes 4:24 & Yohanes 6:63

Kepercayaan di dalam Kristus:

Yohanes 7:37-38; Yohanes 11:25-26; Yohanes 9:35; Matius 11:28-30; Lukas 5:24; Lukas 10:20; Yohanes 10:9; Yohanes 5:39-40; Yohanes 15:13-15

Untuk melihat adalah bukan untuk percaya:

Yohanes 11:45,53; Matius 26:56; Markus 15:25 (9 di waktu pagi) Yohanes 20:29; 2 Korintus 4:6; 2 Korintus 5:7; 1 Yohanes 3:2; 1 Korintus 13:12

Tuhan mengasihi semua sama rata: 2 Petrus 3:9; 1 Timotius 2:4; Matius 18:14; Yohanes 3:16

Penyembahan Kristus dan Penolakan

Kristus: Yohanes 9:38; Matius 14:33; Yohanes 10:20; 2 Korintus 5:16

Tenteram & Perwahyuan yang sepi: Matius 16:20; Markus 1:24,34,44; Markus 4:11; Yesaya 6:9; 2 Korintus 5:16; Mazmur 42:7; Matius 13:44

Darah & Kebebasan dalam Kristus: Yesaya 1:18; Mazmur 25:15; 2 Korintus 5:17; Galatia 2:20; Lukas 4:18/Yesaya 61:1; Yesaya 42:3; 2 Tawarikh 7:14; 2 Korintus 5:21; Ibrani 9:22; Ibrani 12:24

Spirit: Yohanes 14:1-4; Wahyu 1:13-18; 1 Korintus 13:12; Yohanes 14:17,26,28

Jemputan & Hidup Baru: Efesus 1:13-14; Kolose 1:27; Amsal 4:18; Yohanes 5:24; Markus 1:15; Matius 3:8; Kisah Para Rasul 3:19; Roma

10:9; Lukas 10:20; 2 Korintus 5:17; Ibrani 10:25;
Mazmur 1; Yosua 1:9; Ibrani 4:12/2 Timotius
3:16